

PENDIDIKAN ISLAM TAHUN 6

SIFAT ALLAH KALAM (BERKATA-KATA)

NAMA

KELAS

Tonton video di bawah dan jawab soalan-soalan berikut

<https://www.youtube.com/watch?v=HhuZsA07RXs>

1. ددالم حديث دسبوت بهاوا جك ممباچ ساتو حروف دري القرآن،
اكن دبريكن ساتو كبائيقن. براف كاليكه كبائيقن ايت اكن
دگنداكن؟

1. Di dalam hadith disebut bahawa jika membaca satu huruf dari Al Quran, akan diberikan satu kebaikan. Berapa kalikah kebaikan itu akan digandakan?

12 kali

10 kali

2. اليف لم دان ميم دكيرا سباكي

2. Alif Lam dan Mim dikira sebagai

Satu huruf

	3 huruf
3. القرآن دتورونكن كفد....	
3. Al quran diturunkan kepada	
	Nabi Muhammad s.a.w.
	Nabi Musa a.s.
4. القرآن دتورونكن سباكي....	
4. Al Quran diturunkan sebagai	
	buku cerita
	mukjizat
5. مباح القرآن مروفاكن سواتو....	
5. Membaca Al Quran merupakan suatu	
	Senaman
	ibadah
6. افكه مقصود صفة كلام الله؟	
6. Apakah maksud sifat KALAM Allah?	
	Allah maha berkata-kata tanpa memerlukan bantuan, alat dan perantaraan.
	Allah berkata-kata dengan memerlukan suara dan mulut seperti manusia
7. اف حكوم بر ايمان بهاوا الله بر صفة دغن بر كات - كات (كلام)؟	
7. Apa hukum beriman bahawa Allah bersifat dengan berkata-kata (Kalam)?	
	Harus
	Wajib
8. افكه مقصود دليل نقلي ايات القرآن بهاوا الله بر كات - كات؟	
8. Apakah maksud dalil naqli ayat Al Quran bahawa Allah berkata-kata?	

	Tunjukkanlah kami jalan yang benar
	Dan Allah telah berkata-kata kepada Nabi Musa secara langsung, tanpa perantaraan.
9. افكه دليل عقلي (عقل) بهاوا الله بركات-كات؟ 9. Apakah dalil aqli (akal) bahawa Allah berkata-kata?	
	Jika Allah tidak boleh berkata-kata maka Allah mempunyai kekurangan. Mustahil Allah ada kekurangan.
	Jika di angkasa lepas Allah tidak boleh berkata-kata kerana tiada udara

Manakah antara berikut merupakan KESAN beriman dengan sifat Kalam Allah?

Kita akan sentiasa menghadapi masalah
Kita akan lebih seronok menonton youtube yang tidak bermanfaat
Kita mengakui kebesaran dan keagungan Allah
Kita akan merasa sering kecewa
Dapat menjadikan Al Quran pegangan dalam kehidupan
Kita akan jadi lebih susah
Kita tidak akan merasa seronok membaca Al Quran
Dapat beramal dengan segala perintah Allah dan meninggalkan larangannya
Kita akan menjadi mangsa dibuli kawan
Dikasihi dan dirahmati Allah

Pilih kenyataan yang BETUL berkenaan dengan sifat Kalam Allah.

Cara Allah berkata-kata tidak sama dengan makhluk.
Suara Allah sama seperti suara makhluk
Kalam Allah tidak dapat dijangkau oleh akal fikiran manusia

Kita boleh bercakap dengan Allah dengan menggunakan telefon
Allah berkata-kata tanpa menggunakan alat
Al Quran adalah kalam atau percakapan Allah
Allah menjadikan manusia bercakap dengan satu bahasa sahaja
Allah bertutur dalam Bahasa Inggeris
Kalam Allah sama seperti percakapan manusia
Allah tidak bisu bahkan maha berkata-kata